

Ketua Audit perlu bebas daripada sentimen politik

UM 8 OCT 2002

KUALA LUMPUR 7 Okt. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Ketua Audit perlu membebaskan diri daripada sentimen politik termasuk mendedahkan sesiapa sahaja yang menyalahgunakan wang sama ada daripada kerajaan atau pihak lain.

Menurut Perdana Menteri, mereka juga tidak boleh membenarkan diri dipengaruhi oleh tanggapan masyarakat yang mahu orang tertentu 'dibuktikan' bersalah walaupun siasatan pengauditan belum diperolehi.

Kata beliau, tugas Ketua Audit adalah melaporkan kebenaran dan bukan mengikut telunjuk kepentingan politik mana-mana pihak.

Tegasnya, mereka perlu peka dalam soal ini terutama dalam keadaan negara-negara Asia Timur termasuk Malaysia ketika ini berdepan dengan tuduhan mengamalkan kronisme, rasuah serta tidak telus.

"Kadang-kadang orang ramai nak supaya 'bukti' yang diperolehi mereka dibuktikan oleh pengaudit. Jadi, itu tak kenalah sebab dia (pengaudit) punya kerja adalah untuk dedahkan benda yang benar dan bukan mengikut kepentingan politik mana-mana pihak.

"Orang yang bersalah mesti diberitahu, kalau ada salah guna wang atau tidak mengamalkan peratu-

ran-peraturan dalam pengurusan kewangan, pengaudit mesti dedahkan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Ketua-Ketua Audit Negara Komanwel ke-18 di Hotel Palace of The Golden Horses di sini hari ini.

Persidangan selama tiga hari itu bertujuan meningkatkan kerjasama di kalangan Ketua-Ketua Audit negara Komanwel dalam memajukan pengetahuan dan profesionalisme dalam bidang pengauditan, perakaunan dan kewangan antarabangsa.

Seramai 100 peserta daripada 37 negara Komanwel hadir pada majlis yang turut dihadiri oleh Ketua Audit Negara, Datuk Dr. Hadenan Abdul Jalil.

Terdahulu dalam ucapannya, Dr. Mahathir berkata, tuduhan pihak tertentu bahawa negara-negara Asia Timur termasuk Malaysia mempraktikkan kronisme dan rasuah boleh menjejaskan penilaian semula mata wang dan kewangan negara.

Malangnya, tegas beliau, tuduhan itu yang berpunca daripada sebab politik bertujuan menyalahkan orang tertentu dalam kerajaan.

"Kalaupun benar mereka yang dituduh terlibat dalam rasuah dan kronisme ini benar-benar bersalah,

bolehkah (atas sebab penyingkiran) mereka ini membebaskan negara dari kemelesetan serta mengembalikan kepada pertumbuhan ekonomi," katanya.

Tegasnya: "Oleh itu, saya harap para pengaudit jangan dipengaruhi oleh pelanggan mereka termasuk media dalam 'membuktikan' seseorang itu bersalah. Itulah yang dinamakan profesionalisme."

Dalam hubungan ini, Perdana Menteri mahu pengaudit mengambil berat dalam pengurusan bajet dan dana yang betul tanpa menumpukan aspek dasar serta peruntukan oleh kerajaan semata-mata.

Justeru, beliau mahu pengaudit meningkatkan keupayaan diri dalam penguasaan teknologi maklumat (IT) terutama komputer.

Ini lebih-lebih lagi apabila kebanyakan pengurusan kewangan negara diserahkan kepada kakitangan awam yang memerlukan pengaudit mendalami pelbagai kaedah dan sistem sedia ada.

Tegas Perdana Menteri: "Sesebuah negara boleh jatuh bankrap jika standard pengauditan dan perakaunan tidak ditingkatkan.

"Dan bagi negara, yang 'lebih kecil' daripada konglomerat yang besar khususnya dalam pemilikan dana, adalah paling hampir untuk 'dibenarkan' bankrap."